



Kadar caruman KWRS koperasi dikurangkan 13 peratus sehingga 2025

Oleh Rohaniza Idris - Oktober 12, 2023 @ 12:18pm
roha@bh.com.my



Ewon (tiga dari kiri) menyampaikan Anugerah Koperasi Terbaik 2023 kepada Koperasi Permodalan FELDA Malaysia Berhad sambil diperhatikan Timbalan Menteri, Saraswathy Kandasami (dua dari kanan), Ketua Setiausaha, Datuk Suriani Ahmad (kanan) dan Ketua Pegawai Eksekutif SKM, Rusli Jaafar (dua dari kiri) ketika majlis peluncuran Dasar Koperasi Malaysia 2030 (DaKom2030) di Bangi hari ini. - Foto NSTP/HAIRUL ANUAR RAHIM

BANGI: Kerajaan melanjutkan pengurangan kadar caruman dalam Kumpulan Wang Rizab Statutori (KWRS) koperasi daripada 15 kepada 13 peratus sehingga 30 November 2025.

Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Datuk Ewon Benedick, berkata langkah itu bagi membantu koperasi membangun semula dengan lebih progresif akibat kesukaran untuk bangkit semula dalam tempoh pasca COVID-19.

Beliau berkata, dengan itu koperasi dapat meningkatkan potensi pendapatan boleh guna untuk aktiviti perniagaannya dengan lebih kecairan tunai berjumlah hampir RM20 juta.

"Kadar ini akan kembali kepada kadar asal secara berperingkat mengikut ketetapan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) kelak. Pengurangan caruman 13 peratus itu sepatutnya berakhir 31 Disember ini.

"Diharap pengurangan kadar KWRS ini dapat memberi kelegaan kepada koperasi untuk bangkit semula dan memulihkan perniagaannya serta mengalami pertumbuhan yang lebih baik," katanya berucap pada Majlis Peluncuran Dasar Koperasi Malaysia (DaKoM) 2030, di sini, hari ini.

DaKoM 2030 yang dilancarkan hari ini bakal menjadi hala tuju gerakan koperasi sehingga tahun 2030 menerusi empat teras dasar dan 20 strategi sebagai pemangkin terhadap sasaran perolehan sebanyak RM60 bilion pada tahun 2025 dan RM73 bilion pada 2030.

Ewon berkata, kerangka DaKoM 2030 menjadi hala tuju strategik bagi pembangunan koperasi dalam meningkatkan prestasi ekonomi dan kesejahteraan sosial anggotanya.

Katanya, pada masa sama DaKoM 2030 meletakkan visi menjadikan sektor pemangkin utama pertumbuhan sosio ekonomi Malaysia.

"Tiga objektif utama yang ingin dicapai menerusi dasar baharu itu adalah bagi menjadikan sektor koperasi sebagai penyumbang signifikan kepada pertumbuhan ekonomi Malaysia.



TERKINI PILIHAN PEMBACA

- 2m Jenayah perang berterusan pada Palestin, Gaza akan dapat tindak balas 'axis' - Iran
- 10m Argentina pertahan reputasi juara dunia
- 11m Bekalan air di Petaling, Kuala Lumpur, Hulu Langat pulih
- 24m Uji kelasakan di Sungai Lebir
- 29m 'Entah apa nasib keluarga di Gaza...'
- 41m Modul baharu PLKN persiap generasi kalis cabaran
- 55m Projek fertigasi timun batang, bantu tingkatkan sara hidup
- 56m Hamas seru rakyat Palestin terus bangkit di Baitulmaqdis Timur, Tebing Barat

Enjoy **50% off** truck delivery online and in-store from 6 - 31 Oct 2023

[Shop now](#)

Pilih **GO Education - Terakai Dunia Perdagangan**

Berbuat dengan kami

Terakai Pendidikan Percuma

GO Markets Education [Buka >](#)

"Keduanya, bagi membentuk koperasi yang berkemampuan dan kukuh serta diterima rakyat Malaysia dan ketiga meletakkan koperasi sebagai model perniagaan pilihan dalam memacu

pembangunan sosio ekonomi Malaysia,

"Empat prinsip asas yang digariskan DaKoM 2030 pula adalah menyatukan, mendidik, membangun dan mengembang koperasi," katanya.

Dalam perkembangan lain, Ewon berkata, kementerian itu melalui SKM akan melaksana Jualan MADANI Koperasi yang diperluaskan liputannya kepada warga koperasi di seluruh negara.

"Melalui jualan itu ditawarkan jualan kepada masyarakat setempat pada harga yang lebih rendah berbanding pasaran," katanya.

Pada majlis sama, turut dilancarkan profil 100 Koperasi Terbaik Malaysia 2023.

Sementara itu, 10 koperasi terbaik diumumkan dengan Koperasi Permodalan FELDA Malaysia Berhad dipilih koperasi terbaik, diikuti tempat kedua Koperasi Peserta-peserta FELCRA Malaysia Berhad dan ketiga, Koperasi Sahabat Amanah Ikhtiar Malaysia Berhad.

Ketiga-tiga koperasi berkenaan menerima sijil, plak dan wang tunai RM15,000, manakala koperasi dalam senarai 10 terbaik itu menerima RM10,000, sijil dan plak.

TRENDING



ASIA sejam yang lepas

Hamas seru rakyat Palestin terus bangkit di Baitulmaqdis Timur, Tebing Barat



ASIA 11 jam yang lepas

Penduduk Israel gerun, tinggalkan kampung di sempadan Lubnan



NASIONAL 12 jam yang lepas

PAS boleh menyertai Kerajaan Perpaduan - Anwar



POLITIK Okt 12, 2023 @ 9:08pm

Ahli Parlimen PN sokong Kerajaan Perpaduan

BERITA BERKAITAN



LAIN-LAIN (BISNES)

Mac 1, 2023 @ 2:56pm

CBP yakin mampu beri dividen tinggi



NASIONAL

Jun 8, 2023 @ 6:07pm

SKM peruntuk RM1 juta untuk Jualan MADANI Koperasi



NASIONAL

Jan 17, 2023 @ 4:49pm

KUSKOP lancar pelan strategik 2023 perkukuh sektor keusahawanan, koperasi



NASIONAL

Feb 4, 2023 @ 4:36pm

KUSKOP yakin peruntukan tambahan lulus dalam Bajet 2023

BH ONLINE

IKUTI KAMI DI



BH

Download on the App Store
GET IT ON Google Play

BH

Download on the App Store
GET IT ON Google Play

BERITA
SPECIAL
Nasional
Kas
Pulsa
Peristiwa
Wawasan

SIKAP
DUNIA
HIBURAN
BISNES
RENCANA
WANITA
HILJUNG MINSOU

MULTIMEDIA
Foto
BINTU
Infografik

LANGGAN
Akhbar Digital
Akhbar BH

PERKHIDMATAN
Iklan Web
TKasidBeds
NETP KLIK

RADIO
Dapatkan Audio
Hot FM
Buletin FM
Fly FM
8FM
Molek FM